



KELUARAN  
ANGKATAN  
NAHDHATUL  
ISLAM  
BERSATU  
(BINA)



# AL-HUDA

NOMBOR

# 12

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM



Bangunan Mahkamah Syariah Sarawak

# K A N D U N G A N

SEKAPUR SIRIH .....	3
KATA PENGANTAR .....	4
CITAKATA DARI LUBOK SUKMA .....	5
RAHMAT ALLAH .....	6
LANDASAN DAN SIKAP HIDUP MUSLIM .....	10
MUTIARA HIKMAT: Umar bin Khattab Añli fikir, Pemimpin Praktikal .....	15
PERIBADI MUHAMMAD SEBELUM MENJADI NABI .....	16
PESANAN WAHYU .....	28
PENGUMUMAN .....	29
DUA KALIMAH SYAHADAT: Tanggungjawab dan Akibatnya .....	30
SEJARAH: Kalifah Umar bin Khattab Pemimpin Istimewa .....	35
MIMBAR HADIST .....	40
MUTIARA HIKMAT .....	41



## PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,  
Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalu-alukan sumbangan derma seikhlas hati bagi membiayai penerbitan seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan seperti berikut:-

Kepada:  
Pengarah,  
Penerbitan Al-Huda,  
Ibu Pejabat BINA,  
Jalan Tun Datuk Patinggi  
Haji Abdul Rahman Ya'kub,  
Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.  
Pengarah

## PENGURUSAN

Penasihat:  
USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET  
Pengarah:  
TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM  
Timbalan Pengarah/Ketua Unit Penerbitan:  
HASAN HAJI HAMZAH  
Ketua Unit Pengedaran:  
IDRIS BOHARI  
Ahli Unit Pengedaran:  
USMAN HJ. AFANDI  
Rekabentuk:  
BUJANG JENAI

## ANGGOTA PENGARANG

Ketua Pengarang:  
USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD  
Penolong Ketua Pengarang:  
USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU  
BAKAR  
Sidang Pengarang:  
— USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR  
— USTAZ SYED MUHAMAD ALWI  
AL-ATTAS  
— DR. WAN ALI TUANKU MADHI  
— USTAZAH ROHANI BINTI AWI  
— USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN



## **PENGHANTARA "AL-HUDA" NO. 12**

Saudara-saudara pencinta "AL-HUDA" yang budiman,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Sebagaimana saudara sedia maklum, bahawa "AL-HUDA" dalam bentuk seperti sekarang, baru mulai dengan penerbitan yang kelima (No. 5).
2. Penerbitan No. 1 sampai No. 4 adalah dalam bentuk yang sangat sederhana, dalam lembaran kertas yang distensil sahaja. Pengedarannya pun masih sangat terbatas.
3. Isi kandungan daripada "AL-HUDA" No. 1 sampai 4 itu tidak kurang pentingnya, bahkan sangat sesuai dan sangat tepat untuk dijadikan pedoman hidup dizaman yang sangat mencabar dewasa ini.
4. Kiranya saudara akan sependapat dengan kami tentang betapa pentingnya tajuk-tajuk yang sangat bernilai itu diterbitkan semula dengan bentuk "AL-HUDA" yang baru.
5. Maka "AL-HUDA" No. 12 ini terbit adalah untuk memenuhi hasrat kami bersama itu, disamping ianya dapat menggenapi jumlah penerbitan "AL-HUDA" tahun pertama, 1406 Hijriyah.
6. Insyaallah, dengan doa restu dari saudara-saudara seiman dan secita-cita, "AL-HUDA" No. 13 akan memasuki pintu gerbang tahun keduanya pada bulan Muharram, 1407 Hijriyah.
7. Sambutan yang menggalakkan, kerjasama serta sokongan yang membina dari pihak saudara-saudara, sangat-sangat kami harapkan, demi tercapainya cita-cita kita bersama.

"hasanatan fiddunya, wa hasanatan fil akhirah."  
(Kebahagiaan hidup diatas dunia dan kebahagiaan hidup diakhirat)

Wabillahittaufiq wal Hidayah.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

## KATA PENGANTAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudara se-lman dan secita-cita.

Bismillahirrahmanirrahim.

Siri Pengajian Usrah ini dimaksudkan sebagai salah satu usaha lanjutan daripada kursus-kursus dan pengajian yang pernah kita adakan.

Insyallah ia akan mengunjungi saudara-saudara sekurang-kurangnya sekali dalam dua bulan. Bahkan kalau boleh kita usahakan sekali dalam sebulan.

Semuga saudara-saudara dapat menerimanya dengan senang hati. Anggaplah ia sebagai media hubungan silaturrahim yang sudah pun terjalin dihati sanubari kita masing-masing, un-

tuk diperkuatkan lagi dari masa kesemasa.

Bacalah, peliharalah dan marilah kita sama-sama mengamalkan isi kandungan daripada tiap-tiap siri pengajian kita ini. Ianya dapat digunakan pula sebagai bahan perbincangan didalam majlis pengajian "usrah" ditempat saudara. Bahkan dapat pula dijadikan sebagai bahan khutbah Jumaat.

Sambutan atau pun komen yang membangun membina dari pihak saudara-saudara sangat kami harapkan dan dihargai.

Ibadahku, Hidup Matiku Kerana Allah.

Wabillahittaufiq wal Hidayah,  
(HAJI FATHI HAJI DUET)  
Setiausaha Agung BINA.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

---

## **CITAKATA DARI LUBOK SUKMA**

---

Alhamdulillah, dengan izin Allah satu dari cita-cita BINA dapat dilahirkan. Kelahiran risalah "AL-HUDA" terbitan BINA yang sulong boleh di artikan, BINA berusaha menyediakan bahan-bahan untuk santapan rohani Pembaca "AL-HUDA".

Manusia yang ingin hidup bahagia perlu memseimbangkan kualiti bahan-bahan untuk santapan jasmani dan rohaninya. Dari apa yang dapat kita lihat dalam masyarakat masih banyak anggota masyarakat kurang berusaha untuk mendapat bahan santapan rohani mereka.

Mengkaji dari isi kandungan "AL-HUDA" terbitan sulong ini, tidak dapat dinafikan bahawa ia mengandungi bahan-bahan bermutu untuk santapan rohani pembacanya. Dari lubuk sukma yang tulus ikhlas saya berseru,

berharap dan merayu apalah kiranya terbitan "AL-HUDA" secara bersiri, disambut baik oleh setiap kita. Ia bukan saja minta dibaca dan disimpan dengan baik, bahkan yang lebih penting kandungannya dapat benar-benar difahamkan dan terus dihayati.

Bahan-bahan kandungan "AL-HUDA" dapat diguna dalam banyak bidang yang berfaedah, diantaranya untuk bahan-bahan dakwah, pengajian usrah, majlis taklim dan khutbah.

Semuga Allah menganugerah kita dengan taufiq dan hidayahNya, menjadi penyokong dan pendokong risalah ini hingga ia mencapai kejayaan yang boleh sama-sama kita banggakan.

(HAJI MOHD. MORTADZA HAJI DAUD)  
Pengaroh Dakwah BINA.



## **RAHMAT ALLAH**

ALLAH MEMBERI RAHMAT KEPADA ORANG YANG PANDAI MEMELIHARAKAN LIDAHNYA, YANG TAHU AKAN SITUASI ZAMANNYA,

### **Anda mau mendapat rahmat Allah?**

Apakah yang dimaksud dengan rahmat Allah itu? ialah kurnia kasih sayang daripada Allah yang membawakan kebahagiaan dalam hidup seseorang.

### **Bagaimana mencapainya?**

Mari kita dengarkan pertunjuk daripada rasulullah s.a.w., dalam sebuah hadis beliau yang diterima dari Ibnu Abas r.a. dan diriwayatkan oleh Ad-dailami, sebagai berikut:-

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ: رَحِمَ اللَّهُ مَنْ

حَفِظَ لِسَانَهُ وَعَرَفَ زَمَانَهُ.

وَأَسْتَقَامَتْ طَرِيقَتُهُ.

(رواه الدليمي)

Yang maksudnya:-

“Allah memberi rahmat kepada orang yang pandai memelihara lidahnya, yang tahu akan situasi zamannya, dan yang “istiqamah” jalan hidupnya.”

#### 1. Pandai memelihara lidah

Maksudnya ialah pandai menjaga mulut. Setiap kata yang akan dikeluarkan, difikir-fikir lebih dahulu. Tidaklah begitu ingat, begitu dikatakan. Mungkin niat baik, tapi salah menyampaikan, kata-katanya mungkin terlalu tajam, hingga yang menerimanya merasa tersinggung.

Ya, kadang-kadang lidah itu boleh

وَقَدْ يَرْجِي لِحْجِرِ السِّيفِ بَرٍّ

وَلَا يُرَى لِمَا جَرَحَ اللِّسَانُ

lebih tajam daripada pedang. Tersebut dalam sebuah syair Arab, katanya: Dalam bahasa kita, kira-kira begini:

“Masih kan ada harapan sembuh, Bila pedang melukai tubuh, Kemana obat hendak dicari, Bila lidah melukai hati.”

Sebab itu Allah telah mengingatkan dalam Al-Quran, surah Al-Ahzab, 70-71, yang bermaksud:-

“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan berkata-katalah dengan perkataan yang benar lagi baik, niscaya Ia akan memperbaiki segala amalan kamu dan Ia akan mengampunkan dosa-dosa kamu.”

Dalam ayat tersebut ternyata dengan jelas adalah dua macam hubungan yang berkait satu dengan lainnya:

- a) hubungan baik dengan Allah, yang kita percayai dan kita iktiraf sebagai sumber segala kebaikan, siapa yang telah memerintahkan kepada kita, supaya mengucapkan kata-kata yang baik lagi benar dalam pergaulan diantara sesama kita.
  - b) hubungan baik diantara sesama manusia, dengan menjaga tuturkata yang baik lagi benar dari yang satu terhadap yang lain, hinggalah dapat menimbulkan suasana saling hormat menghormati, percaya mempercayai dan tolong menolong, dengan tulus ikhlas kerana Allah.
2. Tahu akan situasi zamannya  
Situasi zaman, maksudnya ialah keadaan, perkara dan isu-isu yang

sedang berlaku atau yang sedang terjadi dizaman itu. Seseorang yang hidup dalam satu lingkungan dan satu tempo masa tertentu, mestilah mengambiltahu akan apa-apa yang sedang berlaku dilingkungan dan dimasanya itu. Kalau tidak maka ia akan terasing dari masyarakatnya, atau ia akan merasa binggung atau hilang akal dalam menghadapi suatu peristiwa yang mendatang.

Sebab itu, seorang Muslim dikehendaki, supaya selalu waspada dengan pandai mengikuti perkembangan. Maka, jika ada sebarang perkara dalam hidup ini, baik hidup perseorangan maupun hidup bermasyarakat, yang tidak selesai atau kurang beres, maka pemecahannya dan penyelesaiannya ialah dengan merujukkannya kepada aturan Allah dan RasulNya, dan kita semua wajib sama-sama tunduk dan patuh kepada peraturan dan hukum-hukum tersebut. Demikian telah ditunjukkan dan dibuktikan dalam masyarakat ummah semasa Rasulullah s.a.w.

- 3 "Istiqamah" jalan hidupnya Istiqamah maknanya ialah sentiasa kuat dan tak berganjak sedikitpun. Hal ini berhubungan dengan jalan atau gaya hidup seseorang. Jadi, jalan atau gaya hidup seseorang yang istiqamah maksudnya ialah cara hidup daripada orang, yang telah mempunyai satu pedoman dan

prinsip yang kuat kokoh, tak dapat tergoyahkan oleh sebarang pengaruh yang mendatang. Untuk ini, marilah kita ikuti peringatan daripada Rasulullah s.a.w. dalam hadis beliau yang diriwayatkan oleh Imam Turmuzi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

لايكن احدكم امة يقول:

انا مع الناس ، ان احسن الناس

احسنت وان اساءوا اسأت ،

ولكن وطنوا انفسكم ،

ان احسن الناس ان تحسنوا وان

اساءوا ان تجتنبوا اساءتهم .

( رواه !ترمذى )

Yang bermaksud:-

"Janganlah ada diantara kamu seorang yang tidak punya pendirian, yang hanya berkata: Saya ikut orang ramai sahaja, jika orang banyak membuat kebaikan, aku pun buat kebaikan, dan jika mereka berbuat kejahatan, aku pun buat kejahatan!" Tetapi hendaklah tanamkan prinsip (pendirian yang kokoh) didalam dirimu! Jika orang ramai berbuat kebaikan, hendaklah kamu juga berbuat kebaikan. Tapi, jika orang banyak berbuat kejahatan, hendaklah kamu menjauhi perbuatan jahat mereka itu."

Agama Islam sudah cukup memberi pedoman hidup kepada kita, dan menentukan mana yang baik, mana yang buruk, mana yang halal, mana yang haram, dengan menunjukkan akibat-akibat daripada tiap-tiap langkah dan tindakan yang diambil oleh seseorang manusia, baik faedah maupun padahnya.

Apa yang diminta kepada kita ialah, supaya kita mempelajari serta memahami ajaran-ajaran yang benar itu dan mengambilnya sebagai pedoman hidup yang diamalkan sehari-hari dimana kita berada dan dimasa manapun kita hidup, baik secara bersendirian maupun dalam bermasyarakat. Jangan kita sampai kebingungan dalam menghadapi masalah-masalah semasa yang bertebaran dalam masyarakat.

Kita, sebagai umat Islam sudah punya pegangan hidup, dan juga sudah punya pedoman dalam cara menyelesaikan setiap perkara.

Allah s.w.t. telah memberi arahan dalam Al-Quran, surah Ali Imran ayat 103, yang bermaksud:-

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu berceai berai. Dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu, ketika kamu dahulu (pernah) bermusuhan (dimasa Jahiliyah), maka Allah mempersatukan hati kamu, lalu - berkat nikmat Allah - kamu menjadi bersaudara, (pada masa itu) kamu sudah berada ditepi jurang, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya.

Demikian lah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu, agar kamu mendapat pertunjuk."

Ayat tersebut cukup tegas memberi bimbingan kepada kita, supaya:-

- a) selalu berpegang kepada aturan, hukum dan pertunjuk daripada Allah dan Rasul,
- b) Kita semuanya hendaklah bersatu padu, dan jangan sekali-kali bercerai berai dalam usaha menegakkan kebenaran sebagaimana yang digariskan oleh agama kita (Islam).
- c) Perpaduan kita hendaklah diikat dengan hubungan silaturrahim, persatuan hati yang ikhlas antara satu sama lain, hubungan persaudaraan dalam Islam atau yang dipanggil dengan hubungan "ukhuwwah islamiyah", tidak hanya semata-mata hubungan dalam parti atau hubungan dalam suku atau golongan.

Perjuangan kita ialah menegakkan kebenaran yang hakiki, yang universal, bukan kebenaran sementara. Dan ianya kita laksanakan, kerana perintah Allah dan Rasul, yang telah kita ikrarkan dalam syahadat kita. Segala daya, segala usaha dan segala ikhtiar mesti kita jalankan, demi tegaknya kebenaran Ilahi diatas dunia ini. Maka untuk ini Allah telah memerintahkan, supaya kita senantiasa meningkatkan segala persiapan dan

perbekalan kita, baik lahir maupun batin (material maupun spiritual), sebagaimana tersebut dalam ayat 61, surah 8 (Al-Anfal). Berketetapan hati dan bersungguh-sungguh dalam perjuangan menegakkan kebenaran Allah, ialah juga yang dimaksud dengan "istiqamah" itu. Dalam Al-Quran, surah Fusshilat ayat 30 Allah berfirman:-

Yang maksudnya:-

"Sesungguhnya orang-orang yang telah mengikrarkan, Tuhan kami ialah Allah, lalu ia beristiqamah (berketetapan kita untuk memper-

juangkan kebenaran Allah itu), mereka mendapat bantuan kekuatan daripada Malaikat, dan mereka tak perlu takut dan tak perlu rusuh, dan mereka boleh bergembira hati dengan balasan syurga yang sudah dijanjikan bagi mereka."

Maka dengan mengamalkan per-tunjuk Rasulullah yang telah kita uraikan diatas, insyaallah, rahmat Allah akan senantiasa turun kepada kita.

Wabillahirtaufiq wal Hidayah.

Disediakan oleh:

(USTAZ HAJI HASANUDDIN ABU BAKAR)




• وما ارسلناك من قبلك من رسول الا نوحي اليه انه لا اله الا انا فاعبدون "

• (الانبيا : ٢٥ )

**Maksudnya:**

"Dan tidak kami utus sebelum engkau dari seorang Rasul melainkan kami wahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Aku, maka sembahlah kami akan Aku."

(Al-Anbia: 35)



*Gotong-royong bergini adalah amalan baik buat kita dimasa lapang.*

---

Haji Hasanuddin Abu Bakar

---

## **LANDASAN DAN SIKAP HIDUP MUSLIM**

Landasan hidup seorang Muslim tidak lain daripada AQIDAH ISLAMIAH. AQIDAH ialah satu kepercayaan yang melekat didalam diri seseorang tentang wujudnya Allah Yang Maha Esa, sifat-sifatNya Yang Maha Agung, segala tin-

dakanNya yang benar dan tepat dan segala peraturan serta hukumnya yang benar, hakiki dan abadi.

Ia telah mengutuskan Rasul-rasulNya untuk mengajarkan AQIDAH itu kepada ummat manusia. RasulNya

yang terakhir ialah Nabi Muhammad s.a.w., sebagai contoh tauladan bagi hidup dan kehidupan manusia sampai keakhir zaman.

AQIDAH ISLAMIAH itu diumpamakan oleh Allah sebagai sebatang pokok. Tersebut didalam Al-Quran, surah Ibrahim, ayat 24-25: yang bermaksud:

“Tidaklah kami perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan KALIMAH THAIYIBAH (kalimah Tauhid atau Aqidah Islamiah) laksana sebatang pokok yang baik, yang akarnya (uratnya) kuat dan cabangnya (menjulung) kelangit. Pokok itu mengeluarkan buahnya pada setiap musim dengan izin Allah. Allah membuat perumpamaan itu untuk manusia, supaya mereka selalu ingat.”

Maulana Abdullah Yusuf Ali memberikan uraian tentang ayat tersebut didalam kitab tafsirnya “The Holy Quran” sebagai berikut:

- (i) Pokok itu INDAH, iaitu bahawa ia memberi kenikmatan kepada setiap orang yang melihatnya;
- (ii) Pokok itu teguh dan kuat, yakni ia tidak runtuh dan tidak tumbang, walaupun dilanda oleh angin badai, taufan halilintar, sebab ia mempunyai urat akar yang dalam terhunjam kepetala bumi;
- (iii) Pokok itu melindungi, kerana ia mempunyai dahan-dahan yang tinggi dengan ranting dan daun-daunnya yang lebat rindang, ranting-rantingnya tempat burung-burung bertengger dan

berteduh, tempat bernaung kehujaan, tempat berlandung kepanasan bagi setiap makhluk hidup, yang berada dibawahnya;

- (iv) Pokok itu menghasilkan buah sepanjang masa dan musimnya, dengan izin Allah.

AQIDAH ISLAMIAH yang menjadi landasan hidup seseorang Muslim dengan sendirinya membentuk SIKAP HIDUP daripada orang itu. Didalam diri setiap manusia selalunya dapat dikesani dua corak sikap hidup: yang positif dan yang negatif.

- i) Sikap hidup yang positif, yakni satu sikap yang mengandung penuh harapan (optimistic)

Ajaran daripada Aqidah Islamiah senantiasa mendorong ummat Islam selalu mempunyai harapan (rajaa') untuk mencapai kemajuan serta kejayaan hidup diatas dunia dan diakhirat, melalui amal-amal yang baik dan bermutu yang dikerjakan dengan jujur, ikhlas kerana Allah, tanpa dicampuri sebarang perbuatan yang mengandung kemusyrikan.

Diantara pertunjuk-pertunjuk Allah yang tersebut didalam Al-Quran, terdapat ayat 110 daripada Surah Al-Kahfi, yang bermaksud:-

“Barangsiapa yang mengharap (yarjuu) untuk bertemu dengan Tuhannya, maka hendaklah ia mengerjakan amal yang baik, dan janganlah ia

musyrik dalam usaha pengabdianya terhadap Tuhan-Nya itu."

Ayat ini dengan tegas mendorong ummat Islam, supaya selalu mempunyai sikap yang optimisitic, kerana mereka percaya, bahawa Allah Yang Maha Mengasihani lagi Maha Penyayang tidak membiarkan mereka hidup terlantar dan terbiar, selama mereka tetap berusaha dengan sungguh, tekun, amanah serta ikhlas kerana Allah.

- ii) Sikap hidup yang negatif, ialah satu sikap daripada seseorang yang lemah jiwanya. Belum lagi mulai bekerja, ia sudah mengeluh kepayahan! Ia hanya melihat cuaca gelap dihadapannya, satu sikap yang pessimistic! Jika ia berhadapan dengan sesuatu dugaan dan cabaran, ia sudah patah hati, bahkan ia sudah putus asa. Penyakit ini susah nak diobati oleh doktor-doktor! Tetapi ajaran Islam yang berlandaskan AQIDAH dapat mengobatinya.

Pertama: Orang itu hendaklah memperkuat kepercayaan Aqidahnya diantara lain yang menekankan, bahawa Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan bahawa tiada daya dan tiada kekuatan, melainkan dengan Allah, bahkan hidup dan mati adalah ditangan Allah. Ajaran ini memberi kepastian kepada orang itu tentang masih terbukanya kemungkinan hidup baginya, hingga ia tidak perlu

lekas-lekas putus asa. Sekiranya ia merasa berdosa, bagaimana pun besar dosanya itu, Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang tetap membuka Pintu keampunan bagi sesiapa yang mau bertaubat.

Allah s.w.t. berfirman dalam surah Az-Zumar, ayat 53, yang bermaksud:-

"Katakanlah kepada hamba-Ku yang melampau batas terhadap diri mereka sendiri (berbuat dosa), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Didalam surah Yusuf, ayat 87 pula Allah berfirman:-  
Maksudnya:-

"Janganlah kamu putus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya yang berputus asa itu ialah orang-orang yang kafir (yakni yang tidak percaya kepada Allah dengan segala kuasa dan kelebihanNya).

Kedua: Orang itu hendaklah bersikap tidak mau membuang-buang masa. Ia merasa rugi besar, kalau masanya berlalu tanpa faedah! Baginya masa itu hendaklah selalu diisi dengan mengamalkan 4 garis pedoman, seperti tersebut didalam surah Al-ashr, iaitu:

- Iman
- Amal Shalih
- Ingat mengingatkan untuk

---

menegakkan kebenaran  
— Ingat mengingatkan tentang kesabaran.

## **Iman**

Orang yang beriman akan senantiasa ingat kepada Allah, yang ia percayai sebagai sumber kekuatan rohani dan jasmani, dan yang selalu melihat, mendengar dan memperhatikan gerak gerinya. Kerana itu ia mesti menjaga diri jangan sampai berbuat salah atau tergelincir disebabkan godaan syaitan atau hawa nafsu.

Orang yang beriman pandai membagi waktu dan mengatur peringkat-peringkat pekerjaannya, kerana dia faham membezakan mana yang wajib dan mana yang sunnat, atau mana yang penting dan mana yang kurang penting. Dan ia menjauhkan diri dari sebarang pekerjaan yang mendatangkan bahaya atau kerosakan, baik yang haram ataupun yang makruh.

## **Amal Shalih**

Ia mengisi waktunya dengan mengerjakan usaha-usaha yang mendatangkan faedah, yang baik-baik menurut ukuran nilai daripada Islam.

Ia berusaha dengan segala daya dan kebijaksanaan membetulkan pekerjaan-pekerjaan yang salah, yang mendatangkan kerugian, bahkan

berusaha menyekat timbulnya amal perbuatan itu.

## **Ingat mengingatkan untuk menegakkan kebenaran**

Ia senantiasa menegakkan kebenaran dan mengajak orang lain juga berbuat yang serupa bersama-sama.

Ia berkata benar dan berjalan lurus dan mengharapkan orang lain juga berkata benar dan berjalan lurus.

## **Ingat mengingatkan tentang kesabaran**

Ia sabar dan tabah hati dalam menghadapi sesuatu cabaran dan cobaan hidup dan ia mengajak agar orang-orang lainnya juga mengamalkan sikap yang seperti itu.

Tak ada kusut yang tak dapat diselesaikan, tak ada keruh yang tak dapat dijernihkan, oleh kerana ia berusaha sungguh-sungguh untuk mengatasi segala kesulitan, dengan niat yang suci, tekad dan keazaman yang kuat sambil bertawakkal kepada Allah Yang Maha Kuasa.

Ia tidak berhenti, sebelum cita-citanya tercapai!

Wabillahirtaufiq wal hidayah.

## **UMAR BIN KHATTAB AHLI FIKIR, PEMIMPIN PRAKTIKAL**

UMAR BIN KHATTAB, Khalifah Rasul yang kedua, memerintah selama kurang lebih sepuluh tahun, berjaya menaklukkan kerajaan Parsi dan Rum dan menyebarkan Islam ke Timur dan Barat.

Beliau adalah salah seorang sahabat yang terdekat kepada Baginda Rasulullah s.a.w., selalunya mengeluarkan buah fikiran yang praktikal, kena pada sasarannya, dan beliau berani mengambil tindakan.

Pernah beberapa firman Ilahi turun sebagai membenarkan fikiran dan tindakan daripada Umar bin Khattab.

Diantara ucapan-ucapan beliau adalah:-


- 1) Kalau aku jadi seorang peniaga, aku pilih berniaga minyak wangi, andai kata lenyap keuntungannya, wanginya akan tetapi menyertaiku.
- 2) Sebagai contohnya orang Arab, laksana onta yang terikat hidungnya, akan patuh menurut arahan pemandu (pemimpin)nya, maka hendaklah pemimpin itu

mengetahui kemana arah tujuannya.

Dan aku, demi Allah Yang punya Ka'abah ini, aku akan pimpin mereka kejalan yang lurus. (Siratal Mustaqiem).

- 3) Sesungguhnya hati bernama hati, kerana ia bolak balik keadaannya.
- 4) Siapa yang tipis sifat baiknya, sedikit pula sifat malunya.
- 5) Belajarlah dahulu sampai anda mengerti, sebelum memerintah!
- 6) Bila Agama tidak dindahkan, kehidupan bebas tidak terbatas.
- 7) Menjauhkan diri dari berbuat kejahatan, memberi ketenangan dalam kehidupan.
- 8) Jangan tangguhkan pekerjaan hari ini, kepada esuk hari.
- 9) Bertindak menghidupkan syiar yang baik adalah tanda kehidupan.
- 10) Adab yang baik adalah warisan yang baik.

ABU ASYFAIRI  
(Petikan dari Suara Masjid)



*Di Mekah lah tempat Muhammad S.A.W. dilahirkan.*

## **PERIBADI MUHAMMAD SEBELUM MENJADI NABI**

### **DILAHIRKAN**

Muhammad dilahirkan daripada sepasang suami isteri, keluarga terhormat daripada kaum Quraisy, pada 9hb Rabiul awal tahun Gajah, bertepatan dengan 20hb April tahun 571 Masehi (menurut perkiraan seorang pakar ilmu falak, Almarhum Mahmud Basya).

Bapaknya bernama Abdullah bin Abdul Mutilib. Ibunya bernama Aminah binti Wahab.

Abdul Mutilib pada masa itu adalah sebagai ketua daripada kaum Quraisy, dan Abdullah adalah seorang pemuda yang tegap lagi tampan, dan sedang menggemari usaha

perdagangan.

Tak lama selepas kahwin dengan Aminah, Abdullah pun pergi menguruskan perdagangan ke Syam. Dari Syam ia pergi ke Ghaza, kemudian ia singgah ketempat saudara sepupu dari pihak ibunya di Madinah, sekedar berehat kerana ia merasa letih selama dalam perjalanan. Seseudah itu ia akan kembali dengan kafilahnya pulang ke Mekah. Akan tetapi kemudian ia merasa sakit lalu tinggal ditempat saudara sepupunya itu, sedang kafilahnya disuruhnya langsung pergi ke Mekah. Mereka inilah yang menyampaikan berita tentang sakitnya kepada keluarganya di Mekah.

Pada masa itu rupanya Aminah sudah hamil dua bulan. Seraya Abdul Mutalib mendengar anaknya sakit di Madinah itu, iapun mengutus anaknya yang sulung, bernama Harith, ke Madinah untuk membawa Abdullah kembali ke Mekah.

## **ABDULLAH WAFAT**

Akan tetapi, kehendak Allah telah berlaku, didapatinya Abdullah sudah pun meninggal dunia dan telah dikuburkan di Madinah. Ia segera kembali ke Mekah membawa berita dukacita.

Demikianlah Muhammad semasa masih dalam kandungan ibu, sudah kematian bapak.

Peninggalan Abdullah sesudah wafat terdiri daripada lima ekor unta, sekelompok ternakan kambing dan

seorang hamba sahaya bernama Ummu Aiman, yang kemudian menjadi pengasuh kepada Muhammad.

Daripada harta warisan serupa itu dapat dikesani tentang keadaan suatu keluarga yang tidak kaya, akan tetapi tidak juga miskin.

Almarhum Abdullah, sebagai seorang yang masih dalam usia muda,

“SAMPAI MASANYA SEMBILAN BULAN SEPERTI JUGA WANITA LAINNYA. AMINAH TELAH MELAHIRKAN SEORANG ANAK LELAKI YANG DIBERI NAMA OLEH DATUKNYA SENDIRI DENGAN NAMA MUHAMMAD”

sudah berani bertanggungjawab, bekerja dan berusaha mencapai kekayaan sekuat kemampuannya.

Aminah, janda yang sedang hamil, telah menunjukkan kesabaran serta keteguhan hati, memelihara ketenangan dan kesihatannya.

Sampai masanya sembilan bulan, seperti juga wanita lainnya, ia melahirkan seorang anak lelaki, yang diberi nama oleh datuknya sendiri dengan nama “MUHAMMAD”. Orang tertanya-tanya, mengapa Abdul Mutalib memilih satu nama yang belum pernah terdengar dikalangan kaum Quraisy pada waktu itu. Jawab beliau: “Aku inginkan cucuku ini menjadi seorang yang terpuji.” Beliau sangat sayang kepada cucunya, dianggapnya

MUHAMMAD SEMENJAK KECIL SUDAH DIDEHAHKAN KEPADA SATU CIPTAAN YANG BESAR, ALAM LUAR BERKEMBANG, YANG MENYEBABKAN IA SUKA MERENUNG DAN BERFIKIR TENTANG SESUATU YANG MAHA KUASA.

sebagai ganti anaknya, Abdullah, yang juga kesayangannya.

Sudah menjadi kebiasaan dikalangan orang-orang bangsawan daripada kaum Quraisy pada masa itu, bahwa anak-anak mulai dari masa bayi hendaklah diasuh dan disusukan didaerah kawasan luar bandar. Maksudnya, antara lain, ialah supaya kanak-kanak itu dapat selalu menghirup udara bersih, minum makan dari bahan-bahan yang segar dan asli serta dapat mendengar dan belajar kata-kata yang fasih dari bahasa Arab yang asli.

Pada masa itu datanglah dari daerah pergunungan beberapa wanita untuk mendapatkan kanak-kanak yang akan disusukannya.

Masing-masing berusaha memilih kanak-kanak yang sihat daripada keluarga yang kaya, untuk mendapatkan upah yang lumayan.

## **IBU SUSU**

Seorang wanita dari kaum Saa'd, bernama Halimah binti Abi Dzu'ib, datang agak terlambat, sehingga ia tidak kebahagian kanak-kanak yang diidam-idamkan itu. Ia datang kerumah Aminah dan mendapatkan bayi Muham-

mad, seorang anak yatim. Memang, rupanya, sudah takdir baginya, tiada pilihan lain, iapun mengambil anak yatim itu dengan penuh rasa terharu. Sambil bertawakkal merenungkan nasib, dipangkuannyalah anak itu, dibawanya menuju kampungnya dikawasan Bani Saa'd, dengan menunggang seekor keledai yang kurus, sedangkan rombongan kawan-kawannya sudah lebih dahulu berangkat.

Belum lama dalam perjalanan, Halimah merasakan sesuatu perubahan dalam dirinya. Ia merasa tubuhnya semakin segar, keledainya pun semakin kuat dan kencang jalannya, hingga ia dapat menyusuli rombongan kawan-kawannya.

Setibanya dirumah, disusukannya anaknya dan juga bayi Muhammad. Kedua-duanya menyusu dengan kenyangnya, namun air susunya masih banyak lagi. Demikian berlaku setiap hari hinggalah sampai masanya dua tahun penuh. Kehidupan keluarga Halimah semakin makmur, kambing ternakan makin membiak, gemuk-gemuk dan banyak susunya. Demikian juga tanam-tanamannya subur belaka

dan memberi hasil yang memuaskan.

Demikianlah rupanya nikmat Allah yang dilimpahkanNya terhadap satu keluarga yang mau memelihara anak yatim!!

Selama dua tahun masa kanak-kanak Muhammad berada dalam lingkungan satu keluarga sederhana dengan alam padang terbuka, jauh dari kebisingan dan pengaruh kebudayaan kota. Seperti kebiasaan, selepas 2 tahun bercerai susu, iapun dibawa kembali kepada ibunya, Aminah di Mekah. Tetapi, keluarga Aminah tidak menahannya, bahkan lebih suka pegasuhannya dilanjutkan oleh Halimah sampai Muhammad berumur lima tahun. Maka Muhammad pun tinggal semula dilingkungan keluarga Halimah As-Saa'diah selama tiga tahun lagi. Disinilah Muhammad banyak menimba pengalaman masa kanak-kanaknya. Ia belajar menggembalakan kambing ditengah-tengah padang pasir, dalam panas terik, dan kalau malam hari udaranya sejuk, cerah dengan bintang-bintang yang berkilauan di langit.

Udara sahara yang lapang dan bebas, dan kehidupan luar bandar yang keras, menyebabkan Muhammad cepat sekali menjadi besar dan menambah indah bentuk pertumbuhan badannya.

Disana tidak pernah ada keramaian-keramaian seperti yang berlaku dibandar-bandar. Masa lapang dimalam hari, kadang-kadang, ia pergi mendengarkan orang membacakan sajak dan syair. Dari kebilah ini ia belajar menggunakan bahasa Arab yang

murni, sehingga pernah beliau mengatakan kepada sahabat-sahabatnya kemudian: "Aku yang paling fasih diantara kamu sekalian. Aku daripada Quraisy, tapi diasuh ditengah-tengah keluarga Saa'd bin Bakar."

Muhammad semenjak kecil sudah didedahkan kepada satu ciptaan yang besar, alam luas terkembang, yang menyebabkan ia suka merenung dan berfikir tentang sesuatu yang Maha Kuasa.

Rombongan ternakan kambing yang menjadi gembalaannya sehari-hari adalah sejenis haiwan yang keras kepala, tak mudah patuh kepada arahan, menyebabkan ia juga merenung dan berfikir tentang manusia-manusia yang jahil, tamak, serakah dan suka berkelahi sesamanya.

Kurang lebih lima tahun masa yang ditempuhnya itu, telah memberi kenangan yang indah sekali dan kekal dalam jiwanya. Demikian juga ibususnya Halimatussaa'diah dan keluarganya, tempat ia menumpahkan kasih sayang dan hormat yang tak terlupakan olehnya selama hayatnya.

Genap umurnya lima tahun, Muhammad pun diserahkan kembali oleh Halimah kepada ibundanya, Aminah, di Mekah.

Muhammad berada dibawah jagaan datuknya, Abdul Mutalib. Orang tua ini sangat sayang kepadanya. Sering Muhammad dibawanya ikut menghadiri sidang mesyuarat pemerintahan Quraisy dipejabat Darunnadwah atau kemajlis-majlis orang-orang kena-

maan didekat Kaabah.

Dengan demikian Muhammad sudah didedahkan semenjak dari kecil kepada istiadat dan tata cara pentadbiran.

## **PERGI KE MADINAH:**

Pada masa Muhammad berumur 6 tahun, teringatlah ibunya hendak membawanya ke Madinah untuk menziarahi kubur bapaknya sambil memperkenalkan anaknya ini kepada saudara-saudara mara dari pihak datuknya, yakni dalam keluarga Najjar.

Dalam perjalanan itu dibawanya serta Ummu Aiman, hamba perempuan yang ditinggalkan ayahnya.

Sesampainya di Madinah, diperlihatkanlah kepada anak itu rumah tempat ayahnya meninggal dahulu, kemudian ia dibawa kemakam perkuburan. Inilah pertama kali ia merasakan sebagai anak yatim, walaupun ibunya pernah menceritakan kepadanya tentang keadaan ayahnya.

## **AMINAH WAFAT:**

Sesudah cukup sebulan mereka tinggal di Madinah, Aminah sudah bersiap-siap hendak pulang. Tetapi ditengah perjalanan, ketika mereka sampai di Abwa' (kira-kira 23 batu dari Madinah), ibunda Aminah menderita sakit, yang kemudian meninggal dunia dan dikuburkan pula ditempat itu.

Muhammad, yang masih dalam usia kanak-kanak itu, dibawa pulang ke

Mekah oleh pengasuhnya. Ummu Aiman, sambil menangis dengan hati yang pilu. Ia makin merasa kehilangan, sudah ditakdirkan menjadi yatim piatu, untuk memikul beban hidup yang berat.

Sesampai di Mekah ia disambut oleh datuknya, Abdul Mutalib berserta keluarga. Semakin bertambah kasih sayangnya Abdul Mutalib terhadap cucunya itu.

Akan tetapi, walau bagaimana juapun Muhammad sudah mendapat latihan semenjak dari awal, untuk tidak menjadi seorang anak manja. Ia menyibukkan dirinya sehari-hari dengan urusan-urusan yang berfaedah, seperti menggembalakan kambing, menolong membereskan pekerjaan rumah atau ikut dengan datuknya ketempat-tempat terhormat. Ia tidak ada masa untuk ikut bermain-main membuang waktu dengan makan angin atau berfoya-foya bersama kawan-kawannya, dan ia tidak pernah ikut mengerjakan ibadat jahiliah, seperti menyembah patung Lata, Usza dan sebagainya itu.

Setelah memperhatikan keadaan yang berlaku sehari-hari dilingkungan masyarakat Quraisy, dimana sering terlihat kekejaman, kepalsuan, kesombong dan pemujaan terhadap benda-benda, maka Muhammad semakin kuat berfikir dan merenung merindukan suatu kekuatan untuk mengadakan perubahan.

Orang tua yang dikasihi, Abdul Mutalib pun meninggal dalam usia beliau 80 tahun, sedang Muhammad ketika itu dalam umur 8 tahun.

Kesedihan demi kesedihan datang  
menyempitnya.

Bapa saudaranya, Abu Thalib, tampil mengambil alih pemeliharaan terhadap dirinya. Walaupun Abu Thalib tidak pula merupakan orang yang kaya, bahkan punya anak yang banyak, tetapi kasih sayangnya terhadap anak saudaranya, Muhammad, bukan saja kerana dia seorang anak yatim piatu, tapi lebih-lebih lagi kerana budi peker-

SEHARI-HARI MUHAMMAD MENERIMA UPAH MENGGEMBALAKAN KAMBING KEPUNYAAN PENDUDUK MEKAH, WANGNYA SETIAP KALI DITERIMA, DISERAHKANNYA KEPADA BAPAK SAUDARANYA, ABU THALIB.

tinya. Muhammad, seorang anak yang tahu diri, rajin, tak pernah membuang-buang waktu sia-sia, lurus dan jujur. Budi pekerti Muhammad ini diketahui oleh orang banyak, tak sesiapa yang menafikannya, hinggalah ia dipanggil sebagai "Al-Amin", yakni seorang yang dipercayai, amanah.

Sehari-hari Muhammad menerima upah menggembalakan kambing kepunyaan penduduk Mekah, wangnya setiap kali diterima, diserahkannya kepada bapak saudaranya, Abu Thalib.

## **PERGI KE SYAM**

Pada suatu hari Abu Thalib hen-

dak pergi membawa dagangannya dengan kafilah ke Syam. Muhammad menawarkan dirinya untuk ikut serta menolong pamannya. Masa itu umur Muhammad kira-kira 12 tahun. Mulanya berat hati Abu Thalib menerima tawaran anak saudaranya ini, memandangkan umurnya yang masih begitu muda untuk mengikuti satu perjalanan yang begitu jauh, melalui padang sahara luas tiada bertepi. Akan tetapi, kemudian, atas rayuan daripada Muhammad akhirnya Abu Thalib memperkenankan juga. Kafilah Abu Thalib, dimana terdapat seorang anak remaja, Muhammad, bertolaklah melalui padang sahara luas tiada bertepi, siang hari panasnya sangat terik, manakala pada malam hari sejuknya bukan main. Sekali-sekali kafilah dapat berhenti manakala ada di dapati air dalam "wadi" (sumur). Sepanjang perjalanan yang sehari-hari, berminggu-minggu itu, Muhammad beroleh pelajaran daripada pengalaman, merasakan perubahan cuaca pada tempat yang rendah dan pada tempat yang tinggi, melihat luasnya padang pasir, manakala dekat kepada tempat-tempat yang mengandungi air kelihatan tumbuh tumbuhan yang menghijau, kurma, anggur dan rerumputan. Di tengah malam ia dapat melihat bintang gemin-tang yang bertaburan di angkasa raya. Semua pengalaman itu membuat Muhammad semakin berfikir dan merenung merindukan sesuatu yang Maha Kuasa, yang memungkinkan segala-galanya itu berada. Jiwanya

semakin resah melihat kelakuan kaumnya yang bodoh, menyembah benda mati, batu yang dipahatnya sendiri, dipuja dipujinya setiap hari, padahal batu-batu itu tidak dapat berbuat apa-apa, betapa lagi akan mengadakan bintang-bintang, bulan dan matahari.

Perjalanan beliau yang pertama kali keluar negeri meninggalkan kesan dalam hati sanubari, yang memperkuat keazaman beliau untuk mencari kebenaran hakiki. Pamannya, Abu Thalib, tidak tahu apa yang bersemi didalam tubuh anak saudaranya ini, keculai, setelah di beritahu oleh pendeta Buhaira. Sewaktu rombongan Kafilah Abu Thalib melewati kawasan tempat pendeta itu, terlihatlah oleh pendeta itu satu kejadian alam yang luar biasa. Awan berarak melindungi perjalanan kafilah itu, hingga ia menaruh curiga, kalau-kalau kiranya ada sesuatu yang istimewa didalam rombongan itu. Setelah dia mempersilakan ketua rombongan singgah ketempatnya, dan ia ketahui Abu Thalib ada membawa seorang belia yang bernama Muhammad, lalu ia minta izin memperhatikannya. Beliau, yang seorang Nasrani, yang tahu akan ayat ayat dalam Injil, telah memastikan, bahawa inilah dia bakal seorang Nabi yang dinanti-nantikan itu. Lalu ia nasihatkan kepada Abu Thalib supaya beliau berhati-hati dalam menjaga anak ini, jangan sampai ketahuan oleh penjahat-penjahat Yahudi, yang memang sudah berniat untuk merosakkan atau membunuhnya.

Sewaktu berada di Syam, Muhammad dapat mengetahui berita-berita tentang kerajaan Romawi dan agama Kristennya, didengarnya berita tentang kitab suci mereka. Juga dia dengar berita tentang adanya perlawanan dari pihak Parsi yang menyembah api, dan berita tentang persiapan-persiapan yang dibuat oleh pihak Romawi untuk menghadapi perang dengan pihak Parsi.

Sekalipun umurnya baru dua belas tahun, tapi dia sudah mempunyai persediaan serta persiapan kebesaran jiwa, kesedaran dan ketajaman otak, sudah mempunyai tinjauan yang begitu dalam dan ingatan yang cukup kuat serta segala sifat-sifat semacam itu yang tumbuh dari proses pendidikan alamiahnya sedari masa kecil lagi. Mungkin inilah sebagai satu anugerah istimewa terhadap dirinya, sebagai satu persiapan bagi menerima risalah (mission) maha besar yang sedang menantinya. Ia tidak puas terhadap segala yang didengar dan yang dilihatnya. Ia bertanya kepada diri sendiri. "Dimanakah kebenaran daripada semua itu."

Sekembalinya dari Syam, Abu Thalib tidak banyak membawa kekayaan, hanya cukup sekedar memberi keperluan yang sederhana untuk keluarganya. Maka itu, Muhammad tidak berdiam diri. Ia senantiasa bekerja, menggembala kambing bersama dengan kawan-kawan yang sebaya dengannya. Selepas itu, dia pergi kepekan-pekan, dimana orang-orang banyak berkumpul mendengarkan

sajak-sajak yang dibawakan oleh penyair-penyair yang kenamaan, seperti Amar Al-Qais, Zubair, Harith bin Halizza dan lain-lain. Didengarnya pidato-pidato yang dibawakan oleh pendakwah-pendakwah agama Nasrani dan Yahudi yang membenci terhadap kepercayaan karut daripada nenek moyang Arab (pagan). Dinilainya semuanya itu dengan hati nuraninya, dilihatnya ini ada lebih baik daripada paganism yang telah menghanyutkan keluarga dan suku bangsanya itu. Tapi tidak sepenuhnya ia merasa lega!

Dengan demikian sejak muda belia lagi takdir telah menghantarkan Muhammad kejurusan yang akan membawanya kesuatu saat bersejarah, saat pula pertama datangnya wahyu, sebagai pelantikannya sebagai seorang Nabi dan Rasul, yang terakhir.

## **IKUT KE MEDAN PERANG**

Dalam bidang ketenteraan, Muhammad pun tidak ketinggalan memperoleh pengalaman pada masa muda belianya. Terjadilah satu peperangan antara suku, yakni antara suku Hawazin dan Quraisy. Perang ini masyhur dengan nama perang "fijar" (harbul fijar). Pada masa itu umur Muhammad antara 15 dan 20 tahun, sebab perang ini berlangsung dalam masa 4 tahun, walaupun setiap tahunnya hanya memakan masa beberapa hari saja. Perang ini berakhir dengan satu perdamaian, dimana dipersetujui,

DALAM BIDANG KETENTERAAN, MUHAMMAD PUN TIDAK KETINGGALAN MEMPEROLEHI PENGALAMAN PADA MASA MUDA BELIANYA. TERJADILAH SATU PEPERANGAN ANTARA SUKU, YAKNI ANTARA SUKU HAWAZIN DAN QURAI SY. PERANG INI MASYHUR DENGAN NAMA PERANG "FIJAR" (HARBUL FIJAR).

bahawa pihak yang menderita korban manusia yang kecil mesti membayar ganti sebanyak jumlah kelebihan korban itu kepada pihak yang lain. Maka dengan demikian pihak Quraisy telah membayar ganti rugi sebanyak dua puluh orang Huwazin.

Perang Fijar yang meninggalkan kesan-kesan pahit bagi kaum Quraisy tidak menghalangi mereka untuk meneruskan kegiatan perdagangan, menjalankan riba, minum minuman keras, berjudi dan berbagai macam kesenangan dan hiburan sepuas-puasnya, apakah juga Muhamad ikut serta dengan mereka dalam hal ini?

Tidak! Sejarah telah membuktikan, bahawa dia telah menjauhi semua itu. Bukan kerana ia tidak mampu mencapainya. Mereka yang tidak mempunyai mata pencarian yang tinggal dipinggiran Mekah, yang hidup dalam kemiskinan, ikut hanyut juga dalam aneka macam hiburan itu! Betapa lagi yang hidup mewah daripada kalangan bangsawan dan hartawan.

Akan tetapi, Muhammad, punya keperibadian sendiri. Jiwanya yang ingin mendengar, ingin mengetahui, selalu merindukan sesuatu yang lebih bernilai!!! Jiwa besar yang di miliknya, yang selalu mendambakan kesempurnaan itu, itu jugalah yang menyebabkan ia menjauhi setiap pekerjaan maksiat itu.

## **IKUT DALAM PAKATAN PERDAMAIAN**

Sebaliknya bidang-bidang kemasyarakatan yang bersifat membangun adalah perkara-perkara yang digemarinya. Beliau hadir dalam satu sidang permusyawaratan kepala-kepala kaum Quraisy di rumah Abdullah bin Jada'n untuk mengadakan satu pakatan perdamaian yang disebut "Hilful Fudhul", Pakatan perdamaian ini timbul, setelah terlihat gejala kehancuran Quraisy yang berebut rebut kuasa dan pengaruh, setelah wafatnya Hashim dan Abdul Muttalib. Bukan tidak mungkin Muhammad sebagai seorang belia umur 20 tahun yang dikenali sebagai "Al-Amin", ikut memainkan peranannya dalam mengusahakan perdamaian tersebut. Demikianlah Muhammad langsung masuk dalam satu "latihan praktikal", untuk mempersiapkan dirinya menjadi seorang pemimpin.

Dalam satu peristiwa yang masyhur, iaitu selepas terjadi banjir besar yang melanda kota Mekah,

sehingga meruntuhkan Kaabah, kaum Qurisy berusaha mendirikaninya semula. Setelah dinding-dinding naik beberapa hasta, tibalah masanya untuk menempatkan semula batu hitam (hajrul aswad) pada sudut sebelah Timur. Seperti diketahui, batu ini merupakan satu "batu suci."

Timbullah perselisihan diantara kepala-kepala kaum tentang siapa diantara mereka yang akan mengangkat dan meletakkan batu itu ketempat yang disediakan itu. Masing-masing kepala suku tidak mau melepaskan haknya kepada yang lain. Keluarga Abu'd Dar membawa sebuah mangkok berisi darah. Tangan mereka di masukkan kedalam mangkok itu guna memperkuat sumpah mereka. Kerana itu lalu peristiwa itu di beri nama "Laa'qa'd Dam, yakni jilatan darah.

Abu Umaya bin Al-Mughirah dari Bani Makhzum adalah orang yang tertua diantara mereka, dihormati dan dipatuhi. Setelah melihat keadaan serupa itu, ia berkata kepada mereka "Serahkanlah hal ini untuk mengambil keputusannya kepada orang yang pertama sekali memasuki pintu Shafa ini." Mereka semua bersetuju! Semua mata memandang kearah pintu shafa, dan mereka melihat Muhammad adalah orang pertama yang memasukinya, lalu mereka berseru, "Ini Al-Amin, kami dapat menerima keputusannya." Lalu mereka menceritakan peristiwa itu kepada Muhammad. Ia pun mendengarkan, dan sudah melihat dimata mereka betapa berkobarnya api permusuhan

itu. Ia berfikir sebentar, lalu katanya, "Kemarikan sehelai kain!" Setelah kain dibawakan, dihamparkannya dan diambilnya batu hitam itu, lalu diletakkannya dengan tangannya sendiri diatas kain itu. Kemudian dia minta semua kepala kabilah memegang tepi kain itu dan mengangkatnya keatas tempat yang sudah disediakan. Dengan demikian itu perselisihan pun berakhir dan bencana dapat dielakkan.

berkecimpung dalam dunia perdagangan. Kota Mekah dengan pasar 'Ukkaz-nya masyhur sebagai pusat perdagangan antara Yaman dan Syam. Maka darah dagang inipun ada pada diri Muhammad, Akan tetapi Muhammad tidak pernah masuk sekolah untuk mempelajari ilmu perdagangan.

Pertama kali beliau belajar praktik dagang tatkala ia mengikuti pamannya Abu Thalib ke Syam masa

AKAN TETAPI, MUHAMMAD, PUNYA KEPERIBADIAN SENDIRI. JIWANYA YANG INGIN MENDENGAR, INGIN MENGETAHUI, SELALU MERINDUKAN SESUATU YANG LEBIH BERNILAI!!! JIWA BESAR YANG DI MILIKNYA, YANG SELALU MENDAMBAKAN KESEMPURNAAN ITU, ITU JUGALAH YANG MENYEBABKAN IA MENJAUHI SETIAP PEKERJAAN MAKSIAH ITU.

Demikianlah Muhammad yang masih muda belia, dalam umur antara 20 dan 25 tahun, telah tampil dihadapan menyelesaikan satu pertelingkahan diantara orang-orang besar Quraisy. Mengapa Muhammad dapat meraih keperibadian yang disegani seperti itu?

Untuk tidak memperpanjang lagi uraian tentang kisah kehidupan Muhammad sebelum beliau dilantik menjadi Nabi dan Rasul, baiklah kita dengar sedikit lagi tentang kecekapan beliau dalam bidang perdagangan.

Sebagai dimaklumi, baik ayahnya sendiri maupun datuknya Abdul Mutalib adalah orang-orang yang biasa

umurnya lagi dalam 12 tahun.

## **MENJALAN PERDAGANGAN**

Kemudian ia mendapat kepercayaan dari seorang wanita pedagang yang kaya, bernama Khadijah binti Khuwailid, untuk membawa barang dagangan ke Syam. Dengan kejujuran dan kemampuannya ternyata Muhammad berhasil memperdagangkan barang-barang Khadijah, dengan membawa keuntungan yang lebih banyak dari biasanya.

Maka sebagai penutup pembicaraan kita kali ini, baiklah kita ambil saripatinya yang boleh dijadikan

---

tauladan:

1. Muhammad dilahirkan dalam satu keluarga yang sederhana, tapi terhormat.
2. Sebelum dilahirkan, Muhammad berada dalam kandungan ibunya Aminah, seorang wanita yang sabar dan tabah hati dalam menghadapi berbagai cobaan hidup. Sudah tentu hal ini membawa pengaruh terhadap anak yang dikandung.
3. Semasa kecil, dalam susuan dan asuhan Halimatus'saadiah, Muhammad tak pernah dimanjakan. Ia mendapat pengaruh asuhan dan didikan alamiah yang murni, terjauh dari suasana kota yang penuh pencemaran debu dan noda.
4. Alam yang keras dengan padang pasir yang luas dan kering kontang, suasana malam yang hening bening, sejuk dingin, dengan langitnya yang penuh bintang gemintang, membuat tubuh kecil Muhammad menjadi kuat, tapi cepat membesar dan mampu menghadapi berbagai cabaran.
5. Hidup menggembalakan kambing, satu jenis binatang yang degil, memberi satu latihan kecekapan sambil merenung dan berfikir.
6. Dari masa kecilnya Muhammad tak pernah ada kemauan untuk hidup bersenang lenang, berfoya-foya melepas selera dikedai kopi atau membuang-buang masa dipanggung joget.

Sebaliknya beliau selalu menyibukkan diri dengan pekerjaan-

pekerjaan yang berfaedah, kalau tidak, beliau duduk bermenung dan berfikir merindukan pertunjuk kebenaran untuk mengatasi segala kemungkaran.

7. Dalam bidang-bidang ilmu dan kecekapan, Muhammad selalu belajar secara praktikal dalam kehidupan dan pengalaman, antara lain:

### **7.1. Bidang Sosial**

7.1.1. Semasa dalam lingkungan keluarga Halimah, Muhammad dididik bergaul dengan kakak-adiknya sepenyusuan dengan ramah tamah dan bertenggang rasa.

7.1.2. Semasa dalam asuhan datuknya Abdul Mutalib ia diperkenalkan kepada suasana dalam lingkungan orang-orang besar Quraisy, baik yang resmi di Ibu Pejabat Darun Nadwah ataupun disekitar rumah Suci Kaabah.

7.1.3. Semasa dalam asuhan pamannya Abu Thalib, Muhammad terlatih menyesuaikan diri dalam satu lingkungan keluarga besar. Ia tahu diri sebagai seorang anak yatim ia bekerja dengan rajin dan jujur, untuk meringankan beban pamannya sendiri.

### **7.2 Bidang mental-spiritual**

7.2.1 Muhammad mempunyai watak ingin tahu, ingin menyelidik dan rindu kepada kebenaran. Sebab itu ia suka merenung dan berfikir. Ia melihat kenyataan dan membuat perbandingan.

7.2.2 Ia tidak suka kepada perkara-perkara yang merugikan dan merosakkan jasmani dan rohani. Ia tidak mudah terpengaruh kepada sebarang bujukan dan rayuannya.

### **7.3 Bidang kecekapan dan kemahiran**

7.3.1 Ia mampu menyara hidupnya sendiri dan juga membantu mereka yang patut diberinya bantuan, dengan mengembala ternakan dan berdagang.

7.3.2 Modalnya yang utama ialah kejujuran, kebersihan amanah dan kecekapannya dalam bidang usaha-usaha tersebut.

### **7.4 Bidang Ketenteraan**

Tubuh beliau yang kuat dan sempurna, akal beliau yang tajam serta pengalaman beliau dalam pergaulan, menyebabkan ia sanggup menjalani latihan praktikal

dalam medan perang "Fijar". Beliau adalah seorang perajurit yang handal.

### **7.5 Bidang Kepimpinan**

Beliau yang dikenal sebagai "Al-Amin", dengan mudah mendapat kedudukan terhormat dalam hati sanubari orang ramai. Dari muda lagi beliau sudah disegani oleh kawan dan lawan.

Demikianlah sekulimit uraian daripada kisah yang panjang, penuh mengandung hikmat dan suri tauladan daripada Pemimpin Agung kita, Muhammad s.a.w., untuk dapat kita ikuti dan kita amalkan dalam hidup dan kehidupan kita geneasi sampai keakhir zaman.

Sistem pendidikan Nabi Muhammad s.a.w. semenjak dari awal kehidupannya adalah satu sistem yang dibentuk dan dikendalikan oleh Allah s.w.t. sendiri, sebagai mana sabda beliau:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي

(العسكري وابن السمعاني)

"Telah mendidik akan daku Tuhanku, dan Ia telah membaikkan pendidikanku menurut sistem yang sebaik-baiknya."

Semuga setiap kita dan setiap institusi pendidikan mau mencontohinya.

Wabillahit Taufiq walhidayah.

## PESANAN WAHYU

1. Firman Allah: Suran Al-Hujurat (49), ayat 6: yang bermaksud:-

“Wahai orang-orang yang beriman jika datang kepadamu orang fasik menyampaikan sesuatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu jangan sampai mengambil tindakan yang menimpakan musibah terhadap satu golongan kamu, tanpa mengetahui keadaannya, yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu itu.”

2. Surah Al-Maidah (5), ayat 2, yang bermaksud:-

“Dan bertolong-tolonglah kamu dalam berbuat kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu saling membangkitkan perbuatan dosa dan permusuhan, dan sentiasalah kamu bertakwa kepada Allah.”

3. Surah Al-Hujurat (49), ayat 10: yang bermaksud:-

“Sesungguhnya orang-orang Mukmin adalah bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat rahmat.

### SABDA RASULULLAH S.A.W.

عن ابي محمد جبير بن مطعم

رضي الله عنه ان رسول الله

صلى الله عليه وسلم قال :

“ لا يدخل الجنة قاطع ” - (متفق عليه).

Maksudnya:-

“Diterima dari Abi Muhammad; Jubair bin Muth'in, r.a., telah bersabda Rasulullah s.a.w. “Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim”.

(Hadis Sahih, Muttafaq alaih).

Saudara-saudara seiman dan secita-cita

1. Dengan ini, “Al-Huda” sudah keluar dalam tiga kali penerbitan atau siri, dalam bentuk yang sangat sederhana.
2. Biarlah kita mulai dengan sederhana sambil berusaha meningkatkan mutu dari kesemasa, dengan izin Allah s.w.t.
3. Dukungan serta cadangan yang membina dari pihak saudara sedia diterima dengan tangan terbuka.
4. Semuga Allah selalu melindungi dan memberi kekuatan kepada kita semua.

“AL-HUDA” bacaan kita,  
Siri Pengajian Keluarga,  
menambah ilmu di dada,  
Bagi kefahaman Agama,  
Penuntun hidup didunia,  
Hingga ke Akhirat berbahagia.

## PENGUMUMAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saudara-saudara seiman, secita-cita.

1. Kami minta maaf kepada saudara-saudara, kalau "Al-Huda" kita No. 4 bulan Jamadil Awal 1406 terlambat sampai ketangan saudara-saudara.
2. Pertama adalah disebabkan pejabat kami baru pindah dari Jalan Rubber ke Jalan Tun Datuk Abdul Rahman Yakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, iaitu Ibu Pejabat BINA yang baru, tepat waktunya pada minggu terakhir daripada bulan Rabiul Akhir 1406H.
3. Beberapa alat masih tinggal di Ibu Pejabat yang lama, sehingga penerbitan "Al-Huda" untuk bulan Jamadil Awal ini tidak dapat berjalan dengan lancar.
4. Namun demikian kami telah usahakan menambah isinya secara beransur-ansur, sesuai dengan tenaga serta peralatan yang tersedia pada masa ini.
5. Dukungan serta doa dari pihak saudara selalu kami harapkan semoga usaha kita yang sederhana ini makin lama, makin meningkat mutu dan bentuknya.
6. Walau bagaimanapun sederhananya kertas serta bentuk penerbitannya pada masa ini, kita wajib bersyukur dengan mempelajari serta memeliharanya dengan sebaik-baiknya, apalagi dengan terdapatnya beberapa ayat-ayat suci Al-Quran didalamnya.
7. Semoga Allah s.a.w. senantiasa memberi taufiq dan hidayahNya kepada kita semua, AMIN!!

Terima kasih.

## PERHATIAN

Mengenai ayat-ayat Al-Quran yang terdapat maksudnya didalam Risalah Pengajian Usrah ini, diharap anda suka merujuk kepada teks aslinya dalam kitab suci itu sendiri!

Terima kasih.



*Saudara baru sedang mempelajari mengucapkan dua Kalimah Syahadat.*

## **DUA KALIMAH SYAHADAT**

### **TANGGUNGJAWAB DAN AKIBATNYA**

Tandanya seseorang telah memeluk Agama Islam ialah, bahawa ia telah mengucapkan DUA KALIMAH SYAHADAT, iaitu:-

أشهد ان لا اله الا الله

1) (Asyhadu an la-ila-ha illallah)

Maksudnya:

“Saya naik saksi, bahawa tidak Tuhan yang disembah, melainkan Allah.”

وأشهد ان محمد

. رسول الله

2) (Wa Asyhadu anna Muhammadan Rasulullah)

Maksudnya:-

“Dan saya naik saksi, bahawanya Nabi Muhammad adalah RASUL (Utusan) Allah”

Keterangan:-

Syahadat 1

Yang dimaksud dengan Tuhan, ialah apa yang dipercayai wujud (ada), Yang menciptakan seluruh alam, Yang mempunyai kedudukan tinggi dan agung, Yang berkuasa memutuskan segala perkara menurut kehendak Nya sendiri, tanpa memerlukan bantuan daripada apa dan siapapun.

Dalam Agama Islam Tuhan itu dipanggil Allah, sebagaimana telah di-

isytiarkan oleh-Nya sendiri, tersebut dalam Al-Quran Surah Al-Ikhlash (112), juz ke 30, yang bermaksud:-

“Katakanlah (wahai Muhammad), Dia (Tuhan) itu ialah ALLAH, Yang Maha Esa (tunggal), ALLAH adalah Tuhan yang bergantung kepada Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan dan tidak ada seorang pun yang setara denganNya.” (Sila buka Al-Quran dan baca teks aslinya!)

Maka setiap kali seseorang menyebut kalimah syahadat yang pertama itu, bermakna ia menegaskan pengakuan atau ikrarnya:

- mempercayai hanya Allah dan Maha Esa.
- beribadah atau memperhambakan diri hanya kepada-Nya dengan pengertian, bahawa ia hanya bersedia mematuhi pertunjuk, aturan dan hukum yang datang dari Allah atau yang sesuai dengan yang diredhai Allah.
- Lain-lain pertunjuk, aturan dan hukum yang bercanggah dengan yang datang dari Allah ditolakny dan sekali-kali tidak akan dipatuhi-nya.
- Dia takut hanya kepada Allah, kerana Allah telah mengatakan, bahawa ia akan menimpakan ‘azzab siksaan yang pedih terhadap sesiapa yang tidak mau patuh kepadaNya.
- Ia tidak mau dirayu dengan apa juapun bujukan daripada manusia yang kelihatan atau daripada jin

syaitan yang tidak kelihatan untuk mendekati perkara-perkara yang ditengah oleh Allah.

- Bahkan dia tidak mau dipaksa oleh mana-mana kuasapun untuk berbuat sesuatu yang bertentangan, dengan hukum Allah.
- Dia yakin, bahawa yang paling kuat dan paling besar hanyalah Allah, sedang yang selain Nya adalah lemah dan hanya sanggup membuat suatu kebenaran yang nisbi (tidak bersifat mutlak)

#### Syahadat 2:-

Pada Syahadat yang kedua, setiap kali ia baca, dia menegaskan ikrar kepercayaannya kepada Nabi Muhammad sebagai Rasul atau utusan Allah yang penghabisan, untuk seluruh umat manusia sampai keakhir zaman.

Kerasulan Nabi Muhammad adalah atas pilihan dan lantikan langsung daripada Allah Taala sebagaimana di isytiarkan oleh Allah didalam Al-Quran, antara lain dalam Surah Al-Baqarah (2), ayat 119, yang bermaksud:-

“Sesungguhnya kami (Allah) telah melantikmu sebagai Rasul dengan kebenaran, sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan dan kamu tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang penghuni neraka.”

Dan dalam surah An-Nisa, ayat 79 Allah berfirman, yang maksudnya:-

“Dan kami telah utus engkau kepada manusia sebagai seorang Rasul.”

---

---

RASULULLAH ADALAH SEORANG YANG PALING TAAT KEPADA ALLAH S.W.T. BELAIU DIJADIKAN OLEH ALLAH SEBAGAI CONTOH TAULADAN SEBAGAIMANA FIRMANNYA DALAM AL-QURAN SURAH AL-AHZAB (33)

---

---

Banyak lagi ayat-ayat didalam Al-Quranulkarim yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad telah diutus oleh Allah sebagai RasulNya, untuk menyampaikan kepada manusia pesanan-pesanan dari Allah Taala, sebagai panduan hidup bagi keselamatan didunia dan diakhirat.

Bahawa Nabi Muhammad seorang yang TERPERCAYA (AL-AMIN) sudah dikesani semenjak beliau dari kecil lagi. Sejarah membuktikannya, yang dapat dibaca atau didengar oleh setiap orang. Beliau tak pernah berdusta. Sebab itu beliau dipilih oleh Allah menjadi orang kepercayaanNya, sebagai Rasul.

Rasulullah adalah seorang yang paling taat kepada Allah s.w.t. Beliau dijadikan oleh Allah sebagai contoh tauladan, sebagaimana firman Nya dalam Al-Quran, surah Al-Ahzab (33), ayat 21, yang bermaksud:-

“Sesungguhnya adalah bagi kamu pada (diri) Rasulullah itu satu tauladan yang baik.”

Perkataan-perkataan yang keluar dari mulut beliau tidak pernah kerana terdoroang oleh hawa nafsu, melainkan semuanya adalah bersih dan benar, mengikuti panduan wahyu daripada Allah. Demikian pula perbuatan-perbuatan beliau sendiri dan juga perbuatan orang lain yang tidak beliau tegur. Semuanya itu ialah apa yang dipanggil dengan istilah: As-Sunnah atau Al-Hadis, sebagaimana yang dapat kita jumpai didalam kitab-kitab Hadis yang telah dicatit dan dirawikan oleh ahli-ahli Hadis seperti Bukhari, Muslim, Ibnu Majah, At-Turmuzi, An-Nasa-i, Al-Baihaqi, Ad-Daruquthni, Ibnu Hibban, Ad-Darimi, Ibnu Khuzaimah, Abu Daud dan lain-lain.

Dalam surah Al-Hasyr, ayat 7 Allah s.w.t. telah berfirman, yang bermaksud:-

“Dan apa-apa yang didatangkan oleh Rasul kepadamu, hendaklah kamu ambil, dan apa-apa yang dia larang, hendaklah kamu hentikan!”

Dan dalam surah An-Nisa', ayat 80 Allah menegaskan, yang maksudnya:-

“Barangsiapa yang taat kepada Rasul itu (Muhammad), maka sesungguhnya dia itu telah taat kepada Allah. Dan sesiapa yang berpaling, maka tidaklah kami mengutus engkau kepada mereka buat jadi pengawal.

Berlainan dengan perkataan atau pendapat, hasil buah fikiran manusia yang ahli filsafat, doktor, saintist ataupun yang sudah jadi profesor, Ustaz atau ulama.

Mereka ini semua tidak ada jaminan dari Allah Taala untuk terpelihara dari sebarang kesalahan (ma'shum) seperti Nabi Muhammad, s.a.w. Sebab itu perlu dimaklumi, bahawa kebenaran yang terbit dari hasil pemikiran para pakar ilmu ini ataupun Ulama tersebut adalah bersifat nisbi (relative), yang mana masih dapat berubah dari masa kesemasa.

Maka jika ada pendapat atau perkataan seorang manusia yang terjamin kebenarannya dan tak boleh ditolak oleh ummat Islam, ialah hanya yang datang dari Rasulullah s.a.w. Allah Taala sendiri telah memerintahkan kepada kita Ummat Islam, supaya mengambil apa-apa yang datang dari Rasulullah itu, dan menghentikan apa-apa yang dilarang oleh beliau. (Surah Al-Hasyr, ayat 7, seperti tersebut diatas).

Jadi percaya kepada Rasulullah itu, mestilah dibuktikan dengan menaati segala perintah dan ajarannya, serta menghentikan segala larangan dan tegurannya.

Adapun pendapat dan perkataan daripada manusia selain dari Rasulullah s.a.w. hendaklah diteliti lebih dahulu sama ada sesuai dengan wahyu Allah yang tersebut didalam Al-Quranulkarim atau dengan Al-Hadis yang sahih daripada Rasulullah s.a.w.

Kalau ada sesuai, barulah boleh kita terima, kalau tidak, terpaksa lah kita tolak. Maka dengan demikian terang dan nyatalah, bahawa menyebut DUA KALIMAH SYAHADAT itu mem-

punyai akibat:

1. Yang bersangkutan hendaklah bertanggungjawab menyatakan taat setianya terhadap Allah dan Rasulullah dengan membuktikan kepatuhannya melaksanakan segala titah-perintah yang datang daripada Allah dan Rasul itu, dan menjauhi segala pantang larang yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul.
2. Kalau ada diantara ummat Islam yang menolak salah satu daripada wahyu Allah dan Al-hadis yang sahih daripada Rasulullah, maka batallah syahadatnya.

Jika ia sedar kembali, maka untuk memperbaikinya, mestilah ia bertaubat kepada Allah dengan "taubat nasu-ha" membaharui semula Dua Kalimah Syahadat tersebut dengan penuh pengertian.

3. Barang siapa diantara ummat Islam yang suka melalaikan atau tidak mengerjakan perintah Allah dan Rasul dan juga yang suka mendekati apalagi mengerjakan apa-apa yang dilarang oleh Allah dan Rasul, maka rosaklah syahadatnya.

Jika ia sedar kembali, maka untuk memperbaikinya, ia mesti minta ampun kepada Allah dan berjanji tidak akan membuatnya lagi, dan seterusnya ia mengamalkan segala perbuatan-perbuatan yang baik yang sesuai dengan aturan Allah dan Rasul. Jika sabit kesalahan-

kesalahan yang mengakibatkan hukuman menurut Syariat Islam, maka ia wajib menjalani hukuman itu.

Demikianlah serba sedikit uraian

mengenai DUA KALIMAH SYAHADAT.

Wallahua'alam bisshawab.

Wasalamu'alaikum

warahmatullahi wabarakatuh.

(HAJI HASSANUDDIN BAU BAKAR)

## RANGKUMAN DOA

### KELUAR DARI KAKUS

غُفْرَانَكَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ  
عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي .

Ghufraanaka alhamdu lillaahil ladzii adzhaba'an niil adzaa wa'aafaanii.

#### **Ertinya:**

"Aku bermohon keampunanMu segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan kesakitan daripadaku serta mengafiatkan aku.

(Hadis riwayat Abu Dawud dan Tirmidzi)



---

UMAR ADALAH SEORANG BANGSAWAN ARAB YANG TERKENAL BERANI, KERAS, KASAR, PANTANG KALAH DALAM PERKELAHIAN DAN SELALU MEMPERLIHATKAN KEKUATAN DAN KEBENGISANNYA.

## **KHALIFAH UMAR BIN KHATTAB PEMIMPIN ISTIMEWA**

Bagi setiap orang Islam yang mengenal sejarah Islam, tentunya tidak akan asing baginya riwayat Umar bin Khattab sebelum dan sesudahnya masuk Islam.

Secara ringkas akan kita ikuti Umar, sebagai seorang yang mengalami terjadinya suatu perubahan keyakinan yang berlawanan arah dengan keyakinan semula dengan bentuk yang sangat ekstrim. Perubahannya sangat besar, terjadi dengan tiba-tiba, seolah-olah tidak ada proses jiwa yang mendahuluinya. Tahap-tahap perubahan yang dilalui adalah sebagai berikut:-

Umar adalah seorang bangsawan Arab yang terkenal berani, keras, kasar, pantang kalah dalam perkelahian, pandai main dan selalu memperlihatkan kekuatan dan kebengisannya. Setiap orang dikota

Mekah takut kepadanya.

Ketika Nabi Muhammad s.a.w. mulai secara sembunyi-sembunyi menyiarkan ajaran Islam kepada sahabat-sahabatnya yang terdekat, Umar telah mendengarnya. Ia ingin menghentikan seruan Nabi Muhammad s.a.w. itu, akan tetapi, tempat Muhammad s.a.w dan sahabat-sahabatnya tidak diketahuinya. Pengikut Muhammad s.a.w. makin lama, makin bertambah juga, walaupun mereka takut pada Umar.

Pada suatu hari, dalam perjalanan pulang dari berburu, Umar bermaksud akan langsung mencari Muhammad s.a.w. dan membunuhnya. Ketika sampai dikota, orang yang pertama sekali bertemu dengan dia adalah suami adiknya, yang telah masuk Islam. Umar bertanya: "Dimana Muhammad?",

matanya tampak berapi-api.

Adik iparnya itu cemas melihat gelagat Umar bertanya, tentu ia akan melakukan sesuatu terhadap Muhammad s.a.w. lalu dijawabnya: "Buat apa Muhammad tuan cari?"

Umar terkejut mendengar pertanyaan adik iparnya itu, kenapa dia berani berkata seperti itu. Sambil menjawab: "Saya memerlukannya, akan saya bunuh supaya ia berhenti dari perbuatan mengembangkan keyakinan yang baru itu."

Iparnya menjawab lagi. "Apakah tuan ingin membunuh orang yang baik, yang berusaha memperbaiki segala kebobrokan ini dan membawa manusia kepada jalan yang benar?"

Umar marah mendengar jawaban adik iparnya, serta menanyakan: "Apakah engkau juga sudah menjadi pengikut Muhammad."

Tanpa ragu-ragu dia menjawab: "Ya".

Umar semakin marah dan langsung menghunus pedang, serta maju menyerang. Iparnya membela diri dan menghindari pedang Umar sambil berkata: "Tuan menyerang aku, sedang adik tuan sendiri (isterinya) juga telah menjadi pengikut Muhammad.

Dia merasa sangat terkejut mendengar bahwa adiknya sudah menjadi pengikut Muhammad pula. Iparnya itu, ditinggalkannya dan langsung pergi menuju rumah adiknya. Waktu sampai dipintu, terdengar olehnya adiknya sedang membaca Al-Quran (sedang

belajar dengan seorang guru). Pintu diketoknya dengan keras. Adiknya segera membuka pintu, ketakutan. Begitu pintu terbuka, Umar menanyakan, apakah betul adiknya telah menjadi pengikut Muhammad, sambil memukulnya langsung.

Adiknya menjawab: "Ya, saya ikuti dia, kerana ada hal yang baik yang saya pelajari daripadanya."

Kemarahan Umar semakin bertambah mendengar jawaban itu, sehingga bertambah keras pula pukulannya, sampai adiknya luka-luka dan bajunya berlumuran darah.

Melihat adiknya berlumuran darah, ia berhenti, dan bertanya: "Apa yang tadi kedengaran oleh saya dari luar?"

Kata adiknya: "Ayat Al-Quran".

Mana dia! perhatikan kepadaku! bentak Umar.

Kata adiknya: "Tidak, engkau kotor, tidak boleh menyentuhnya, engkau harus mandi dulu sebelum menyentuhnya."

"Baiklah," kata Umar, ia pergi mandi, setelah itu kembali kepada adiknya. Lalu Umar mengambil lembaran yang ditulis di atasnya ayat-ayat tadi, lalu dibacanya.

- 1) Thaha (Muhammad)
- 2) Kami tidak menurunkan Al-Quran ini kepadamu agar kamu mendapat kesusahan.
- 3) Tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut kepada Allah
- 4) Diturunkan dari Allah yang mencipta

takan bumi dan langit yang tinggi.

(Surah Thaha 1-4)

Setelah dibacanya ayat-ayat itu, dia diam sebentar, kemudian menanyakan, "Dimana Muhammad?"

Adiknya telah melihat perubahan air muka abangnya, lalu menunjukkan tempat berkumpulnya Muhammad s.a.w. dan sahabat-sahabatnya secara sembunyi-sembunyi itu.

terharu mendengar pengakuan Umar yang tidak disangka-sangka, dan mereka serentak membaca, Allahu Akbar."

Umar berkata: "Ya Muhammad, bukankah kita berada dijalan yang benar." Muhammad menjawab: "Ya!"

Lalu Umar berkata: "Mengapa kita harus sembunyi-sembunyi seperti ini, tidakkah lebih baik kita mengajak orang secara terang terangan dan mereka mengenal kita?"

PERUBAHAN AGAMA PADA UMAR TERJADI DALAM SEKEJAP MATA HANYA KERANA MENDENGAR AYAT-AYAT AL-QURAN YANG MENGOBAH HATINYA.

Umar langsung menuju ketempat itu. Sesampai disana sahabat-sahabat telah merasa takut, jangan-jangan Umar datang akan membunuh Muhammad s.a.w. Sebelum membukakan pintu untuk Umar, mereka telah bermuafakat akan membela Muhammad s.a.w. Tapi Muhammad s.a.w. menyuruh salah seorang mereka membuka pintu.

Begitu pintu terbuka, begitu Umar langsung menuju Muhammad s.a.w. Muhammad memegangnya sambil berkata "Wahai Umar, belum datangkah masanya bagimu untuk beriman?" Umar menjawab: "Ya, sekarang saya percaya bahawa tiada Tuhan, kecuali Allah dan engkau RasuLNya". Semua sahabat yang hadir

Demikianlah sesudah itu, pengikut Muhammad s.a.w. semakin banyak dan makin kuat, kerana semenjak Umar masuk Islam, perjuangan Muhammad s.a.w. tidak lagi sembunyi-sembunyi seperti dahulu, tapi dengan terang-terangan. Kerana itulah Umar diberi gelar "Al-Farouk" (yang istimewa) oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Setelah masuk Islam, segala sifat Umar yang buruk dahulu, berubah sama sekali, kekerasan dan kekejamannya berganti dengan penyantun dan pengasih dalam menghadapi orang-orang yang mencintai mereka. Dari benci kepada Muhammad s.a.w. berubah menjadi pencinta dan pembelanya. Sehingga Umar menjadi

khalifah yang paling berjaya, tekun melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupannya sebagai pemimpin yang baik, dan yang selalu berusaha memperhatikan rakyatnya, sampai kepada hal-hal yang berkecil-kecil, sehingga semua rakyat mencintai Umar. Agama Islam dizaman pemerintahan Umar sangat maju, kerana ia sangat keras berdisiplin diri, agar jangan ada larangan agama yang terlanggar olehnya. Banyak sekali kisah Umar dengan rakyatnya, yang menunjukkan betapa rendahnya hati Umar serta kesayangannya kepada rakyatnya.

Sepintas lalu kita lihat bahawa proses perubahan agama pada Umar terjadi dalam sekejap mata hanya kerana mendengar ayat-ayat Al-Quran yang mengubah hatinya. Ia berbalik 180 darjah dalam sifat-sifat, tindak, tingkah laku dan perasaannya. Ahli agama dengan mudah kan mengatakan bahawa, "Hidayah Allah", telah datang. Tuhan membalikkan hati yang keras seperti batu itu, menjadi lembut, keengkaran berubah menjadi keyakinan yang mendalam dan seterusnya.

Kita tidak akan mengingkari soal petunjuk atau hidayah Allah yang diberikanNYA kepada siapapun, yang dikehendakiNYA dan bila-bila masa saja. Dia Yang Maha mengatur, hati manusia sekalipun. Dan masalah itu sudah diluar pengetahuan kita.

Yang ingin kita kemukakan disini adalah bagaimana proses jiwa, yang terjadi pada seseorang, yang

mengalami perubahan agama dan perasaan apa yang meliputinya waktu itu.

Dalam riwayat Umar bin Khattab, beliau pada permulaan hidupnya adalah seorang kuat, berani dan sangat membela adat kebiasaan kaumnya. Bahkan sebelum masuk Islam iapun pernah menguburkan hidup-hidup anak perempuannya, yang telah pandai bermain kerana takut akan diketahui orang, bahawa ia mempunyai seorang anak (waktu itu orang Arab merasa hina mempunyai anak perempuan, kalau anak itu lahir maka dikuburkan hidup-hidup sebelum orang lain tahu). Perasaan yang haus akan penghargaan dan kekuasaan telah membuat Umar sangat menjadi dan melihat tradisi bangsanya, walaupun tradisi itu salah dan merugikan.

Kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. dengan seruan Tauhid, mengguncangkan keyakinan bangsa Arab dan menyebabkan Umar merasa tersinggung kerana ajaran Muhammad s.a.w. menunjukkan kelemahan dan kesalahan tradisi dan agama yang telah lama mereka hormati itu. Kerana itulah maka Umar marah dan ingin membunuh Muhammad s.a.w.

Umar telah biasa mengadakan reaksi dengan emosi, dengan kekerasan, tanpa berfikir panjang, kerana itu, ia tidak ingin mengetahui dan memikirkan apa yang dijalankan oleh Muhammad s.a.w., perasaannya cepat mengadakan reaksi daripada fikirannya (orang yang emosional). Dalam keadaan emosi yang makin lama

makin memuncak itu, Umar mengetahui bahawa ipar dan adik kandungannya pun ikut menodai harga dirinya dengan menjadi pengikut Muhammad s.a.w. Tanpa fikir ia menghunus pedang kepada adik iparnya dan memukul adiknya sendiri sampai luka-luka dan berlumuran darah.

Setelah kemarahan dilampiaskan dengan memukul adiknya sampai luka-luka itu, maka ketegangan bathin dan tekanan perasaannya telah dihamburkan keluar, sehingga kelegaan bathin (release of tension) terjadi, ketika bathinnya telah lega, ia melihat adiknya yang telah berlumuran darah, sedang merintih kesakitan. Rasa kasihnya datang, iapun merasa menyesal atas tindakannya, sehingga ia ingin melihat apa yang dibaca oleh adiknya, ketika ia datang tadi, kerana yang dibacanya itulah yang mempercepat reaksi emosinya meledak keluar seperti itu.

Ketika hatinya sedang lembut, setelah menyesal, suruhan adiknya untuk mandi sebelum menyentuh lembaran yang dibacanya itu, diikuti tanpa fikir panjang. Dalam proses jiwa yang kita kenal, setelah pelegaan bathin terjadi, emosi yang meluap menjadi turun dan ratio dapat menjalankan fungsinya kembali.

Demikianlah setelah mandi, lembaran itu diterima oleh Umar dari adiknya lalu hatinya tertarik kepada isi yang tertulis, sebab fikirannya sedang tenang. Waktu itulah ia menyedari bahawa ajaran yang baru itu memang benar dan baik, selanjutnya ia mening-

---

---

HATI UMAR SEDANG LEMBUT, SETELAH MENYESAL, SURUHAN ADIKNYA UNTUK MANDI SEBELUM MENYENTUH LEMBARAN YANG DIBACANYA ITU, DIKUTI TANPA FIKIR PANJANG.

---

---

galkan yang lama, yang telah mengakibatkan puteri tercintanya sendiri menjadi korban keyakinan yang lama.

Setelah keyakinan berobah 100%, sikapnya juga mengikuti keyakinan itu, sedang sifat emosional yang ada padanya, berjalan terus, tapi dengan bimbingan keyakinan yang baru, itulah sebabnya, maka ia menjadi pejuang Islam yang istimewa seperti diakui oleh Nabi Muhammad s.a.w. sendiri (Umar Al-Farouk - Umar yang istimewa). Pejuang Islam yang keras hati, penyantun dan memegang disiplin. Tindakan dan sifat-sifat baru, yang disinari oleh keyakinan yang baru itulah yang menenteramkan hatinya sampai akhir hayatnya.

Disusun oleh:  
(USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR)

---

---



## Peringatan daripada Rasulullah s.a.w.

### 1) Dosa-dosa yang paling besar.

عن ابي بكره قال النبي صلى الله عليه وسلم: ألا أتيتكم يا كبر الكبائر - (ثلاثا) قالوا: بلى يارسول الله، قال: ألا اشرك بالله وعقوق الوالد ين وجلس، وكان منكئا، فقال: ألا وقول الزور، قال: فمازال يكررها حتى قلنا ليته سكت " .

Maksudnya:

Dari Abu Bakrah, telah bersabda Nabi Muhammad s.a.w. "Apakah tidak lebih baik saya khabarkan kepadamu tentang sebesar-besar dosa?"

(Nabi Ulangi pertanyaan itu sampai tiga kali). Menjawab mereka (sahabat) "Baik sekali, ya Rasulullah!" Bersabda Rasulullah s.a.w. "Mempersyariatkan sesuatu dengan Allah dan mendurhaka terhadap ibu bapa". Lalu Nabi duduk setelah tadinya berteleku, dan beliau menyambung lagi, "Ketahuilah lagi, iaitu, berkata-kata bohong. Berkata Abu Bakrah.

"Maka senantiasa Nabi mengulang-ulangi peringatan itu, hingga (alangkah baiknya) beliau berdiam sekiranya kita semuanya faham benar-benar hingga tak perlu mengecewakan beliau.

Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari.

### 2) Berbuat baik kepada keluarga.

قال النبي صلى الله عليه وسلم: **بِرْ أُمَّكَ وَآبَاكَ وَاخْتِكْ وَاخَاكَ ثُمَّ ادْنَاكَ فَأَدْنَاكَ . (رواه النسائي) .**  
Maksudnya:-

Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Berbuat baiklah kepada ibu engkau, bapa engkau saudara engkau yang perempuan, saudara lelaki, yang laki-laki, kemudian terhadap yang lebih dekat dan yang lebih dekat.

(Nasai).

قال النبي صلى الله عليه وسلم: **اثنان يعجبهما الله في الدنيا: البني وعقوق الوالد ين . (رواه الطبراني) .**

### 3) Balasan mendurhakai ibu bapa.

Maksudnya:-

"Dua perkara, yang Allah akan menyegerakan balasannya (siksaan-nya) diatas dunia, ialah: berbuat jahat dengan perempuan dan mendurhaka terhadap ibu bapa."

(Diriwayatkan oleh Thabrani).

## MUTIARA HIKMAT

### **BERFIKIR CERMAT BERARTI SELAMAT**

Pada zaman kemajuan ilmu dan teknologi seperti sekarang ini ternyata, bahawa masyarakat justru bertambah resah-gelisah. Banyak kes bunuh diri, rompak-rompak, rogol perkosa, tikam-bunuh, tipu raswah dan lain-lain sebagainya. Pada umumnya adalah disebabkan berebut harta dan kekayaan, cinta dunia dan kesenangan, selisih faham dan pantang kerendahan.

Ada nasihat IMAM SYAFIE yang sangat sesuai untuk mengiindari perkara-perkara semacam itu berlaku. Beliau berkata:

- Lawanlah nafsu, bicara dengan tutup mulut,
- Hadapi soal yang pelik dengan tafakkur,
- Pandangan yang sihat terhadap segala sesuatu adalah pembebas dari segala kesesatan,
- Berfikir cermat berarti selamat,
- Penyesalan dan keinsafan menyebabkan kewaspadaan.
- Bermusyawarah dengan orang-orang budiman, memperkuat keyakinan,
- IMAN SYAFIE yang terkenal jenius itu juga menasihatkan kepada kita, dalam menghadapi sebarang keadaan atau situasi, antara lain,
  - Fikirkanlah sebelum mengambil keputusan,
  - Rencanakanlah sebelum terjun,
  - Bermusyawarahlah sebelum mengayunkan langkah

Akhirnya beliau secara mendasar memberikan landasan berpijak bagi kita untuk bekal hidup, dengan empat keutamaan;

1. Kebijaksanaan yang berpokok pada tafakkur,
2. Kesopanan yang berpokok pada penahanan nafsu,
3. Kekuatan yang berpokok pada kekuatan yang sihat, dan
4. Keadilan, yang berpokok pada keseimbangan jiwa.

Insyaallah, dengan bekal berfikir cermat yang dilandasi oleh empat keutamaan itu, kita mampu menghadapi setiap problem dan cobaan hidup.

Abu Taufiq  
(DARI SUARA MASJID)

## **AKIBAT DADAH KEPADA:**

### DIRI SENDIRI .....

- *menghambakan diri kepada tabiat ketagihan dadah yang berkelalan*
- *mengenehkan kepentingan-kepentingan lain dan maruah diri untuk mendapatkan bekalan dadah*
- *menyebabkan kesiksaan dan kesengsaraan*

### KELUARGA .....

- *mengancam kehormonian keluarga dan jiran akibat perlakuan jenayah dan sikap anti sosial penagih dadah*

### MASYARAKAT .....

- *menggugat ketenteraman masyarakat serta mengancam keselamatan dan ketahanan negara akibat penagihan yang berleluasa*
- *pengurangan pencapaian dan daya pengeluaran dalam masyarakat yang terdapat ramai penagih dadah*

## **CARA MENGENALI PENAGIH DADAH:**

- *Perubahan atau kemerosotan kehadiran di sekolah atau tempat kerja, mutu kerja, disiplin, hasil kerja*
- *Meradang tidak tentu sebab, selalu mengucap dan tidak bermaya*
- *Perubahan sikap dan kelakuan pada keseluruhannya*
- *Kemerosotan rupa paras dan kebersihan diri*
- *Tabiat suka menyembunyikan apa-apa yang dilakukan serta yang dimiliki*
- *Hilang selera makan, kurang berat badan, mata berkaca-kaca dan berair atau kuyu.*
- *Parut atau bekas suntikan di lengan*
- *Berdampingan dengan mereka yang diketahui menagih*
- *Mengasing diri daripada rakan-rakan sekolah/sebaya dan kegiatan rekreasi*
- *Meminta wang secara berlebihan dari ibubapa*
- *Suka meminjam wang atau mencuri barang-barang yang mudah dijual*
- *Selalu mengunjungi tempat-tempat terpencil tanpa sebab seperti bilik-bilik setor, bilik kecil, tingkat bawah bangunan (untuk mengambil dadah).*

# Dadah: Diri Yang Terbuang

CEGAH  
SEBELUM PARAH